

PROSES NOTIS PENYERAHAN TESIS

Disediakan oleh Seksyen Peperiksaan dan Pengijazahan

Peperiksaan Lisan (viva voce) merupakan proses akhir yang perlu dilalui oleh seorang pelajar Pascasiswazah secara menyelidiki untuk bergelar sebagai graduan Ijazah Sarjana ataupun ijazah Doktor Falsafah. Walau bagaimanapun, sebelum menduduki peperiksaan lisan, pelajar harus menyiapkan projek penyelidikan yang telah ditetapkan dan menterjemahkan hasil kajian/penyelidikan dalam bentuk penulisan tesis.

Tesis yang dihasilkan oleh pelajar Pascasiswazah perlu melalui beberapa proses penilaian seperti proses semakan Penyelia, proses penilaian oleh Pemeriksa Dalam dan Pemeriksa Luar di mana tesis pelajar berkenaan akan dinilai kualiti akademiknya sama ada layak atau tidak untuk dianugerahkan ijazah. Pelantikan Pemeriksa Dalam dan Pemeriksa Luar tesis pelajar adalah berdasarkan nama yang dicadangkan oleh pihak sekolah melalui **Notis Serah Tesis** yang diserahkan kepada Pusat Pengajian Pascasiswazah (PPPS).

Sebelum pelajar menghantar tesis untuk tujuan pemeriksaan, pelajar dikehendaki untuk menyerahkan notis serah tesis (3 bulan) kepada PPPS. Notis berkenaan akan diperakukan oleh Jawatankuasa Pascasiswazah dan seterusnya diangkat ke Senat untuk kelulusan. Selepas mendapat kelulusan daripada Senat, Pusat Pengajian Pascasiswazah (PPPS) akan mengeluarkan surat pelantikan kepada Pemeriksa Dalam dan Pemeriksa Luar. Pelajar hanya boleh menghantar tesis kepada Seksyen Peperiksaan dan Pengijazahan, PPPS selepas surat pelantikan pemeriksa dikeluarkan. Tempoh yang diberikan kepada pelajar untuk menghantar tesis kepada PPPS adalah tiga (3) bulan dari tarikh notis penyerahan tesis diterima oleh PPPS. Kegagalan pelajar untuk berbuat demikian akan menyebabkan proses pelaksanaan viva pelajar terbabit akan menjadi lambat.

Sehubungan itu, bagi memastikan pelaksanaan viva voce pelajar berjalan dengan lancar, pelajar harus peka kepada proses-proses yang perlu dipatuhi terutamanya proses notis penyerahan tesis (3 bulan). Sebagai contoh, berikut adalah proses atau carta alir notis penyerahan tesis yang boleh dijadikan sebagai panduan.

CARTA ALIR NOTIS PENYERAHAN TESIS

